

# Jabatan Penerangan lancar buku ucapan PM

KUALA LUMPUR 14 Nov. — Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia hari ini melancarkan dua buah buku terkini yang memuatkan ucapan dan slogan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berjudul *Koleksi Ucapan Mahathir 2001* dan *Madah Perdana Penggerak Bangsa*.

Buku-buku itu diharap akan menjadi panduan, rujukan dan pembakar semangat kepada rakyat amnya dan pembaca khususnya dalam menghadapi segala cabaran dan seterusnya merealisasikan apa yang tersurat dan tersirat di hati Perdana Menteri.

Pelancaran kedua-dua buku dan sebuah kalendar 2003 dilakukan oleh Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob serentak dengan Hari Kualiti jabatan tersebut di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Datuk Mohammad Salleh Raffie.

*Koleksi Ucapan Mahathir 2001* merupakan himpunan hasil ucapan Dr. Mahathir yang diambil daripada ucapan-ucapannya di pelbagai acara rasmi di dalam dan luar negara.

Ia mencakupi aspek keagamaan, politik ekonomi, sosial dan hubungan antarabangsa.

Koleksi ucapannya yang diterbitkan dalam dua versi iaitu bahasa Malaysia dan Inggeris itu bertujuan merangsang pembaca agar dapat menjadikannya pendorong dalam menjalani kehidupan yang serba mencabar pada alaf baru ini.

*Madah Perdana Penggerak Bangsa* pula memuatkan slogan, falsafah atau prinsip yang dipegang oleh Dr. Mahathir untuk dijadikan panduan dan pegangan kepada rakyat melalui ucapan-ucapan beliau sejak dilantik menjadi Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar sebelum majlis itu,

Khalil berkata, selain bahasa Inggeris buku-buku itu akan dicetak dalam bahasa Sepanyol, Perancis, Arab, Sepanyol, Rusia dan China untuk membolehkan penduduk-penduduk di Timur Tengah, membacanya.

“Kita sering mendapat permintaan daripada negara-negara Arab yang ingin mengetahui selok belok tatacara pemikiran dan pengurusan yang dilakukan oleh Perdana Menteri menerajui negara ini sehingga berjaya,” katanya.

Justeru, katanya, pencetakan buku-buku tersebut mungkin dilakukan di Beirut dan Kaherah yang merupakan pusat penyebaran publisiti dan pencetakan yang menyeluruh di Timur Tengah.

Kulit buku itu juga akan diubahsuai untuk disesuaikan dengan kegunaan di sana, katanya.